

PEDOMAN EJAAN JAWI

Bersama Wan Mohd Saophy
Amizul Wan Mansor



Penulisan Kata Ganti Singkat

Kaedah penulisan kata ganti singkat dalam ejaan Jawi sedikit berbeza dengan ejaan Rumi. Kata-kata ganti singkat yang dimaksudkan di sini ialah *ku*, *mu*, *kau* dan *nya*. Kata ganti singkat ini ditulis bersambung dengan kata yang hadir di depannya dan juga di belakangnya.

Kata ganti singkat *ku* ditulis dengan kaf-wau (كو) dalam tulisan Jawi dan bersambung dengan kata yang hadir sebelumnya. Contoh:

Rumi	Jawi
Kepadaku	كڤدكو
Kekasihku	ككاسيهكو
Bagiku	باڠيكو
Rumahku	رومهكو
Cintaku	چينتاكو

Kata ganti singkat *mu* ditulis dengan mim-wau (مو) dalam tulisan Jawi dan bersambung dengan kata yang hadir sebelumnya. Contoh:

Rumi	Jawi
Kepadamu	كڤدمو
Kekasihmu	ككاسيهمو
Bagimu	باڠيمو
Rumahmu	رومهمو
Cintamu	چينتامو

Kata ganti singkat *nya* ditulis dengan huruf nya (نڠ) dalam tulisan Jawi dan bersambung dengan kata yang hadir sebelumnya. Contoh:

Rumi	Jawi
Kepadanya	كڤدنڠ
Kekasihnya	ككاسيهنڠ
Baginya	باڠينڠ
Rumahnya	رومهنڠ
Cintanya	چينتانڠ

Kata ganti singkat *ku* ditulis dengan kaf-wau (كو) dan *kau* ditulis dengan kaf-alif-wau (كاو) sebagai awalan penanda pasif dalam tulisan Jawi ditulis bersambung dengan kata yang hadir selepasnya. Contoh:

Rumi	Jawi
Kau beri	كاو بري
Ku ambil	كو امبيل
Kau dengar	كاو دغر
Ku terima	كو تريما

Latihan:

1. Kepadamu aku berikan cincin ini.
2. Kau untukku.
3. Kuberikan kasihku buatmu.

Jawapan:

1. كڤدكو اكو بريكين سينين اينڠ.
2. كاو اونتركو.
3. كوبريكان كاسيهكو بواتم.

ISTILAH SEMASA

BAHASA INGGERIS	BAHASA MELAYU
strong hold gel empowerment	gel tahan lama
makeover	pengehakapayaan
travel money	ubah rupa
	wang kembara

Oleh Raja Shaiful Azizul Azuan

PEDOMAN BAHASA

Bersama
Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim



Pada bulan lalu, telah diuraikan konsep wacana dan empat daripada tujuh ciri yang perlu dipenuhi untuk menghasilkan wacana yang utuh, iaitu tautan, runtutan, tujuan dan penerimaan. Kini huraian tentang wacana diteruskan dengan perbincangan tentang tiga lagi ciri wacana, iaitu maklumat, keadaan dan interteks. Turut diuraikan ialah dua daripada penanda wacana, iaitu penanda leksikal dan penanda rujukan.

Setiap wacana mempunyai maklumat. Maklumat terdiri daripada dua jenis, iaitu maklumat lama dan maklumat baharu. Maklumat lama ialah maklumat yang telah dinya-takan terdahulu. Maklumat baharu pula ialah maklumat yang baru sahaja dinyatakan dengan andaian pendengar atau pembaca tidak mengetahui maklumat itu sebelum ini. Contohnya: (1) *Puan Rita mengajar di sekolah menengah.* (2) *Sekolah itu sekolah berasrama penuh.* Sekolah itu dalam ayat (2) merupakan maklumat lama kerana telah dinyatakan dalam ayat sebelumnya. *Sekolah berasrama penuh* ialah maklumat baharu kerana baru disebutkan dalam ayat itu.

Ciri seterusnya ialah keadaan. Keadaan ialah latar sewaktu bahasa itu digunakan, dan membantu pendengar atau pembaca memahami sesuatu wacana. Ungkapan "Sila masuk", misalnya, difahami kerana digunakan dalam keadaan latar seseorang mempelawa seorang lain masuk ke dalam bilik atau rumahnya. Dalam kehidupan sehari-hari terdapat pelbagai jenis latar, misalnya latar rumah tangga, latar tempat kerja, latar tempat membeli-belah, latar berekreasi, latar beribadat, dan bermacam-macam lagi. Setiap latar menghasilkan wacana tersendiri.

Akhir sekali ialah interteks. Interteks bermaksud sesuatu wacana itu bergantung pada wacana yang lain. Ini bererti wacana-wacana lain juga memainkan peranan penting untuk membantu seseorang memahami sesuatu wacana yang sedang dibaca atau didengar. Dengan kata lain, kefahaman seseorang terhadap sesebuah wacana bergantung pada pengetahuannya terhadap perkara-perkara yang sedang dibaca atau didengar.

Penanda Wacana

Penanda wacana ialah unsur-unsur bahasa yang mewujudkan pertautan atau kesinambungan antara satu teks dengan teks yang lain sehingga membentuk kesatuan. Terdapat banyak jenis penanda wacana dalam bahasa Melayu. Yang paling dikenali ialah penanda peng-

hubung seperti *dan*, *tetapi*, *walau bagaimanapun*, *namun*, dan *oleh itu*.

Dalam bahasa Melayu terdapat lima jenis penanda wacana, iaitu: (i) penanda leksikal, (ii) penanda rujukan, (iii) penanda penghubung, (iv) penanda penggantian, dan (v) elipsis atau penanda pengguguran. Pada kali ini akan diuraikan dua daripada lima jenis penanda wacana ini, iaitu penanda leksikal dan penanda rujukan.

Pananda leksikal melibatkan pertautan antara unsur leksikon atau perkataan dan frasa secara semantik atau makna. Aspek utama ialah pengulangan, sama ada berbentuk (a) pengulangan unsur yang sama, (b) pengulangan sinonim, (c) pengulangan hiponim, atau (d) pengulangan kolokasi.

(a) **Pengulangan unsur yang sama** bermaksud setiap perkataan atau frasa diulang sepenuhnya tanpa sebarang perubahan. Contohnya: *Pada hari minggu ini keluarga kami akan ke Port Dickson. Keluarga Pak Hamid juga akan ke Port Dickson.* Dalam contoh ini, komponen *akan ke Port Dickson* diulang sepenuhnya dalam ayat kedua dan dengan demikian menghubungkan kedua-dua ayat dari segi makna.

(b) **Sinonim** ialah perkataan yang sama atau hampir sama maknanya dengan perkataan lain, misalnya *wanita* dengan *perempuan* dan *bapa* dengan *orang tua*. Mengulang sesuatu gejala melalui sinonim menjadikan dua ayat amat bertaut. Contoh **pengulangan sinonim**: *Omar amat menyayangi bapanya yang tinggal di kampung. Orang tua itu diziarahi setiap bulan.*

(c) **Hiponim** ialah keadaan di mana satu perkataan mempunyai makna yang dianggap merupakan sebahagian daripada makna ungkapan lain. misalnya, *tenggiri* ialah hiponim bagi perkataan *ikan* oleh sebab *tenggiri* termasuk dalam makna *ikan*. *Tenggiri*, bersama-sama *bawal*, *cencaru*, *selar* dan *kembung* dikatakan berhiponim. Mengulangi unsur-unsur hiponim ini mewujudkan pertautan dalam wacana. Contoh **pengulangan hiponim**: *Malaysia telah mengimport pelbagai jenis kereta.* Antaranya ialah **Honda**, **Volvo**, **Mercedes-Benz** dan **Renault**.

(d) **Pengulangan kolokasi** melibatkan kehadiran sekumpulan perkataan yang saling berkait dengan sesuatu idea, topik, situasi

atau konteks. Lazimnya pengulangan kolokasi melibatkan perkataan selingkungan. Apabila kita mendedar ungkapan *tendangan percuma*, misalnya, tergambar situasi permainan bola sepak; dengan kata lain *tendangan percuma* berkolokasi dengan permainan bola sepak. Dalam contoh berikut, perkataan *almari*, *katil*, *meja* dan *kerusi* dikatakan perkataan yang berkolokasi kerana dalam lingkungan yang sama, iaitu perabot rumah: *Mereka berpindah ke rumah baharu. Mereka membeli almari, katil, meja dan kerusi baharu.*

Setelah selesai menghuraikan penanda leksikal, kini dibincangkan pula penanda rujukan.

Penanda rujukan berkait dengan kata ganti nama diri dan kata ganti nama tunjuk, kerana kata-kata ganti nama ini merujuk kata nama dan frasa nama. Dalam ayat (2) berikut, kata ganti nama diri *mereka* menjadi unsur pertautan antara ayat (1) dengan ayat (2). (1) *Hilmi dan Amir telah bertolak. Mereka akan ke pasar malam.*

Contoh penanda rujukan bersifat kata ganti nama tunjuk (di sana) ialah: *Mereka duduk di rumah sepanjang hari. Mereka di sana sehingga ayah dan ibu pulang.*

Sehingga kini telah diuraikan dua jenis penanda wacana, iaitu penanda wacana berbentuk pengulangan yang sama dan penanda rujukan. Bahagian ketiga huraian tentang wacana bulan hadapan akan menyambung huraian tentang penanda wacana dalam bahasa Melayu, iaitu tentang tiga lagi penanda wacana, di samping jenis-jenis wacana.

KOSA KATA BARU BIDANG EKONOMI

Taja jamin

Persetujuan atau tindakan menjamin untuk membeli atau menyerap semua terbitan saham yang tidak dapat dijual kepada orang ramai dengan harga yang dipersetujui. *Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis taja jamin saham syarikat tersebut.*

Tandatangan balas

- a) Tandatangan yang diturunkan pada sesuatu dokumen, kontrak dan sebagainya yang sudah pun ditandatangani oleh orang lain.
- b) Tandatangan ejen berlesen atau wakilnya ke atas polisi insurans untuk menjadikannya sebuah kontrak yang sah di sisi undang-undang.

Penanggung

1. Orang yang menanggung (menjamin), penjamin.
2. Orang yang memegang polisi insurans.
3. Orang yang menderita, penderita.
4. Organisasi atau orang yang dilantik untuk menguruskan pembubaran sesebuah syarikat.

Oleh Zaiton Nasir

BAHASA SUKUAN

Beco

Beco dalam dialek Kelantan bermaksud bengkok dan bernanah pada jari tangan atau kaki. Contoh penggunaannya, "*Jari kaki diyo beco pasa cocoh duri*" (*Jari kaki dia bengkok dan bernanah kerana tercucuk duri*).

Oleh Saifullizan Yahya

KATA KLASIK

Jawatan

Takrif: pegawai istana (bentara, sida-sida)
Contoh ayat: *Lalu berangkat ke dalam istana, Semayam di atas peterana, Di kanan Puteri Lela Mengerna, Diadap jawatan anak perdana.*

Oleh Wahyuh Abd. Gani